

ELAUN LAYANAN SENTIASA

- Elaun ini dibayar kepada orang berinsurans bekerja sendiri yang mengalami hilang upaya kekal sepenuhnya akibat bencana pekerjaan sendiri dan tidak berdaya sentiasa memerlukan layanan seseorang lain, layak menerima elaun ini dengan pengesyorkan Jemaah Doktor atau Jemaah Doktor Rayuan.
- Jumlah elaun ditetapkan sebanyak RM500 sebulan.

FAEDAH ORANG TANGGUNGAN

- Faedah Orang Tanggungan dibayar secara bulanan kepada orang tanggungan yang layak sekiranya orang berinsurans bekerja sendiri meninggal dunia akibat bencana pekerjaan sendiri.

Kadar bayaran sebanyak 90% daripada pilihan pendapatan bulanan yang diinsuranskan.

Orang Tanggungan Yang Layak

- Balu atau duda dan anak berumur di bawah 21 tahun
- Jika tiada balu, duda atau anak
 - Ibu bapa; atau
 - Adik-beradik berumur di bawah 21 tahun; atau
 - Datuk nenek
- Duda/balu, ibu/bapa, datuk/nenek menerima faedah sepanjang hayat
- Anak menerima faedah sehingga berumur 21 tahun atau berkahwin (mana yang lebih awal).
Jika sedang belajar di IPT, terima faedah sehingga mendapat ijazah pertama atau berkahwin (mana yang lebih awal)
- Contoh pengiraan bayaran Faedah Orang Tanggungan

PELAN	PENDAPATAN BULANAN PILIHAN YANG DIINSURANSKAN	PENCEN BULANAN
1	RM1,050	RM1,050 X 90% = RM945.00
2	RM1,550	RM1,550 X 90% = RM1,395.00
3	RM2,950	RM2,950 X 90% = RM2,655.00
4	RM3,950	RM3,950 X 90% = RM3,555.00

KEMUDAHAN PEMULIHAN JASMANI ATAU VOKASIONAL

- Kemudahan pemulihan dan vokasional secara percuma.
- Pemulihan jasmani seperti fisioterapi, pembedahan rekonstruktif, anggota tiruan, rawatan hemodialisis, kerusi roda, tilam khas, tongkat, *commode chair*, lampin dan lain-lain.
- Kemudahan vokasional seperti latihan dalam bidang elektrikal, jahitan, membaiki radio dan lain-lain.

FAEDAH PENGURUSAN MAYAT

- Faedah Pengurusan Mayat sebanyak RM2,000 atau kos sebenar yang dibelanjakan, yang mana lebih rendah dibayar kepada orang tanggungan yang layak sekiranya orang berinsurans bekerja sendiri meninggal dunia akibat daripada bencana pekerjaan sendiri atau semasa menerima Faedah Hilang Upaya Kekal berkala.

FAEDAH PENDIDIKAN

- Faedah Pendidikan merupakan suatu kemudahan dalam bentuk pinjaman atau biasiswa kepada anak bagi orang berinsurans bekerja sendiri yang meninggal dunia akibat bencana pekerjaan sendiri atau menerima bayaran berkala faedah hilang upaya kekal dan memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan.

Untuk maklumat lanjut, sila layari

www.perkeso.gov.my www.matrix.perkeso.gov.my www.tango.net.my

Aplikasi PERKESO Prihatin



SKIM KESELAMATAN SOSIAL PEKERJAAN SENDIRI

PERKESO itu Prihatin,
Prihatin itu PERKESO

LATAR BELAKANG

Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri diwujudkan untuk memberi perlindungan kepada individu yang menjalankan pekerjaan sendiri di bawah peruntukan Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017.

Sebagai permulaan, skim ini diwajibkan ke atas Sektor Pengangkutan Penumpang iaitu pemandu teksi, e-hailing dan bas di bawah peruntukan Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 berkuat kuasa pada 1 Jun 2017.

Mulai 1 Januari 2020, perlindungan Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri telah diperluaskan kepada 19 sektor pekerjaan sendiri yang lain seperti berikut:

- Pengangkutan Barang dan Makanan
- Pertanian
- Perniagaan Online
- Teknologi Maklumat
- Pemprosesan Data
- Ejen
- Perkhidmatan Profesional
- Perkhidmatan Sokongan
- Kesenian
- Makanan
- Pembuatan
- Perikanan
- Perhutanan
- Perniagaan
- Pembinaan
- Penjagaan Perawatan dan Pemulihan Kesihatan
- Premis Penginapan

Sejak wabak Covid-19 melanda Malaysia, bilangan individu atau penunggang dalam Sektor Pengangkutan Barang dan Makanan telah meningkat dengan ketara dan seterusnya menyumbang kepada peningkatan kadar kemalangan jalan raya.

Walaupun begitu, ramai di kalangan penunggang ini tidak berdaftar dan mencarum kepada SKSPS.

Bagi memastikan perlindungan keselamatan sosial untuk individu yang bekerja sendiri serta keluarga mereka, kerajaan Malaysia mewajibkan semua yang bekerja sendiri dalam Sektor Pengangkutan Barang dan Makanan untuk mencarum di bawah SKSPS berkuatkuasa 1 Oktober 2021.

PERLINDUNGAN SKIM KESELAMATAN SOSIAL PEKERJAAN SENDIRI

Skim ini memberi perlindungan kepada orang berinsurans bekerja sendiri daripada bencana pekerjaan termasuk penyakit pekerjaan dan kemalangan semasa menjalankan aktiviti pekerjaan sendiri.

Bencana Pekerjaan Sendiri ertinya kecederaan diri pada orang berinsurans bekerja sendiri yang disebabkan oleh suatu kemalangan atau suatu penyakit pekerjaan akibat daripada dan semasa menjalankan aktiviti pekerjaan sendirinya termasuk semasa dalam perjalanan yang berkaitan dengan aktiviti pekerjaan sendirinya.

Penyakit pekerjaan adalah penyakit yang berpunca atau terbit daripada pekerjaan yang dinyatakan dalam Jadual Kelima Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969. Skim ini menyediakan faedah tunai kepada orang berinsurans bekerja sendiri dan tanggungannya di samping menyediakan rawatan perubatan, pemulihan jasmani dan latihan vokasional.

Perlindungan untuk individu bekerja sendiri yang mencarum dalam skim ini bermula daripada tarikh dan masa caruman dibayar yang disahkan dalam resit bayaran caruman.

KELAYAKAN

- Warganegara Malaysia / permastautin tetap tanpa mengira had umur; dan
- Individu yang menjalankan pekerjaan sendiri untuk mencari nafkah.

DOKUMEN DIPERLUKAN

- Salinan kad pengenalan
- Salinan lesen / kad pemandu / profil e-hailing / permit / sijil atau surat pengesahan daripada persatuan atau agensi yang berkaitan tertakluk kepada jenis sektor yang dipilih.

PEMBAYARAN CARUMAN

- Pembayaran caruman secara tahunan atau bulanan.
- Pembayaran secara tunai boleh dibuat di semua pejabat PERKESO
- Pembayaran secara online melalui <https://matrix.perkeso.gov.my> (Untuk panduan, sila klik butang 'Bantuan').
- Pembayaran secara dalam talian juga boleh dibuat melalui rakan strategik PERKESO, <https://tango.net.my>

JADUAL PILIHAN CARUMAN

Kadar caruman berdasarkan pilihan seperti di bawah:

Pelan	Pendapatan Bulanan Pilihan Yang Diinsuranskan	Bayaran Caruman Bulanan	Bayaran Caruman Setahun
1	RM1,050	RM13.10	RM157.20
2	RM1,550	RM19.40	RM232.80
3	RM2,950	RM36.90	RM442.80
4	RM3,950	RM49.40	RM592.80

FAEDAH - FAEDAH YANG DISEDIAKAN

- ✓ Faedah Perubatan
- ✓ Faedah Hilang Upaya Sementara
- ✓ Faedah Hilang Upaya Kekal
- ✓ Elaun Layanan Sentiasa
- ✓ Faedah Orang Tanggungan
- ✓ Faedah Pengurusan Mayat
- ✓ Kemudahan Pemulihan Jasmani atau Vokasional
- ✓ Faedah Pendidikan

FAEDAH PERUBATAN

- Orang berinsurans bekerja sendiri yang ditimpa bencana pekerjaan sendiri boleh mendapat rawatan perubatan secara percuma di klinik panel PERKESO atau klinik / hospital Kerajaan; atau
- Orang berinsurans bekerja sendiri boleh membuat tuntutan bayaran ganti belanja kos rawatan perubatan di klinik bukan panel PERKESO.
- Permohonan boleh dibuat kepada PERKESO dan bayaran balik tertakluk kepada syarat-syarat yang ditentukan oleh PERKESO atau Akta Fi 1951

FAEDAH HILANG UPAYA SEMENTARA

- Faedah Hilang Upaya Sementara dibayar kepada orang berinsurans bekerja sendiri yang ditimpa bencana pekerjaan sendiri sepanjang tempoh cuti sakitnya yang disahkan oleh doktor. Tempoh cuti sakit mestilah sekurang-kurangnya empat (4) hari termasuk hari kemalangan.
- Perlu mengemukakan sijil cuti sakit.
- Kadar bayaran RM30.00 - RM105.33 sehari berdasarkan pelan caruman yang dipilih.

FAEDAH HILANG UPAYA KEKAL

- Hilang upaya kekal ertiannya hilang upaya yang berkekalan hingga mengurangkan keupayaan seseorang untuk menjalankan pekerjaannya. Tuntutan boleh dibuat selepas tamat tempoh cuti sakit.
- Kadar bayaran sebanyak 90% daripada pilihan pendapatan bulanan yang diinsuranskan.
- Contoh pengiraan Faedah Hilang Upaya Kekal (bayaran pukal) jika taksiran sama dengan 20% dengan faktor umur 8873 (umur bawah 20 tahun) dan kadar caruman RM592.80.

$$\begin{aligned} &= (\text{RM}3,950 \times 90\% \div 30 \text{ hari}) \times 20\% \times 8873 \\ &= \text{RM}210,290.10 \end{aligned}$$